

09 MAR 2000

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI JAKARTA UNTUK LAWATAN RASMI

JAKARTA, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk lawatan rasmi bagi mengukuhkan setiakawan antara Malaysia dan Indonesia, dua negara tetangga terdekat.

Sebagai memberi penghormatan tertinggi kepada Dr Mahathir, Presiden Abdurrahman Wahid sendiri menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Halim Perdanakusuma.

Mereka berdua terus ke Istana Negara untuk mengadakan perbincangan tertutup yang disusuli dengan mesyuarat delegasi penuh.

Dr Mahathir diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan rombongan yang termasuk empat menteri -- Tun Daim Zainuddin (Kewangan), Datuk Seri Syed Hamid Albar (Luar), Datuk Seri Rafidah Aziz (Perdagangan Antarabangsa dan Industri) dan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (Perusahaan Utama).

Juga mengiringi Perdana Menteri ialah delegasi perniagaan seramai 150 orang, diketuai Pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli, yang juga presiden Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia.

Menurut Duta Besar Malaysia ke Indonesia Datuk Rastam Mohamed Isa, tumpuan lawatan Perdana Menteri ialah meningkatkan kerjasama ekonomi memandangkan Malaysia telah pulih daripada kemelesetan sementara Indonesia pula menuju ke arah pemulihan.

Sekalipun lawatan Dr Mahathir agak singkat, ia membawa signifikan yang mendalam dalam hubungan dua hala Malaysia-Indonesia.

Selepas mesyuarat delegasi penuh, kedua-dua Dr Mahathir dan Abdurrahman akan mengadakan sidang media.

Mereka kemudian akan berucap pada majlis pertemuan makan tengah hari antara ahli-ahli perniagaan Malaysia dan Indonesia, yang bertemakan "Rebuilding Business Opportunities In Indonesia."

Mereka juga akan menyaksikan pemeteraian beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) di antara syarikat Malaysia dan Indonesia.

Dr Mahathir juga dijadual menemui Naib Presiden Megawati Sukarnoputri dan pada lewat petang pula mengadakan perjumpaan dengan para penuntut dan masyarakat Malaysia di Indonesia.

Pada malamnya, beliau dan Dr Siti Hasmah diraikan oleh Abdurrahman dan isteri, ibu Sinta Nuriyah pada majlis makan malam.

Pada keesokan paginya, Dr Mahathir akan dihantar pulang di lapangan terbang Halim Perdanakusuma oleh Megawati.

-- BERNAMA

OPP/SJ RON